

Jurnal Pendidikan Malaysia 38(2) (2013): 1-9

Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah (Relationship School Environment with Students Involvement in Co-Curricular Activities in Secondary Schools)

MOHD FAZLI HASAN*, SUHAIDA ABDUL KADIR & SOAIB ASIMIRAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah daerah Klang. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Seramai 291 orang ketua guru penasihat telah dipilih secara rawak dari 31 buah sekolah menengah. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diubah suai berdasarkan "School-Level Environment Questionnaire" untuk mengukur persekitaran sekolah dan "National Survey of Student Engagement 2011" untuk mengukur penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Analisis korelasi menunjukkan wujud hubungan yang signifikan ($r=0.294$, $p=0.00$) antara persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Hasil kajian menunjukkan bahawa persekitaran sekolah adalah faktor signifikan bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Kata Kunci : Persekitaran Sekolah, Penglibatan Pelajar, Kokurikulum, Sekolah Menengah

ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the relationship between school environments with student involvement in co-curricular activities in secondary schools in Klang District. This study was a quantitative study using the survey method. The respondents were 291 teachers from 31 secondary schools. This study was carried out using questionnaires that were modified based on the "School-Level Environment Questionnaire" to measure the school environment and the "National Survey of Student Engagement 2011" to measure student involvement in co-curricular activities. These findings showed a significant relationship ($r=0.294$, $p=0.00$) between the school environment and student involvement in co-curricular activities. These findings suggested that the environment of the school should be improved and given more attention to help to increase student involvement in co-curricular activities.

Keywords: School environments, Student involvement, Co-curricular, Secondary school

PENGENALAN

Aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti luar atau gerak kerja bercorak pendidikan yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada pelajar. Aktiviti kokurikulum merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kokurikulum merupakan suatu aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar atau di dalam bilik darjah (Nor Azah 2007).

Aktiviti kokurikulum penting dalam membantu melengkapkan dan memperkukuhkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah, di samping dapat menunjukkan perubahan tingkah laku serta mempengaruhi sahsiah pelajar. Aktiviti kokurikulum adalah jelas boleh menambah pengalaman penting dan kemahiran kepada pelajar (Reaves & et al. 2010).

Pihak sekolah perlu mengadakan atau menjalankan aktiviti kokurikulum untuk mengembangkan potensi individu meliputi pelbagai aspek seperti peluasan pengalaman pelajar dalam bidang tertentu, pembentukan sahsiah dan disiplin, peningkatan tahap kesihatan dan kesejahteraan diri, peningkatan kemahiran dan komunikasi (Omardin 2007). Di sekolah menengah, setiap pelajar diwajibkan menyertai tiga jenis bidang kokurikulum iaitu kelab dan persatuan, sukan dan permainan, dan unit beruniform. Perkara ini telah dinyatakan dalam surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985, setiap murid sama ada dari sekolah kerajaan atau bukan kerajaan diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya satu aktiviti pasukan badan beruniform, satu aktiviti persatuan atau kelab dan satu aktiviti sukan atau permainan. Menurut Marjohan dan Mohd Sofian (2007), walaupun penyertaan dalam aktiviti kokurikulum adalah wajib di Malaysia dan pelajar akan diperingatkan untuk menyertai, mereka masih mempunyai peluang untuk memilih jenis aktiviti-aktiviti mereka ingin sertai melalui pihak berkuasa atau pihak pentadbir sekolah.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 yang menyebut bahawa “Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan oleh setiap orang pelajar yang belajar di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Setiap pelajar hendaklah mengambil bahagian sekurang-

kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam (badan beruniform), satu kegiatan persatuan atau kelab, dan satu kegiatan sukan atau permainan. Seberapa yang boleh, peningkatan penyertaan pelajar-pelajar dalam kegiatan pakaian seragam hendaklah diusahakan”, jelas memperlihatkan kokurikulum adalah sebahagian daripada proses pendidikan yang mesti dilalui oleh pelajar.

Analisis markah kokurikulum sepuluh peratus (10%) pelajar tingkatan lima negeri Selangor 2010 yang berjumlah 67283 orang, menunjukkan bahawa ramai pelajar yang mendapat markah 4 dan diikuti markah 5 keseluruhan. Dari jumlah keseluruhan pelajar, hanya 44867 orang pelajar (66.68 %) yang mendapat markah 5 dan ke bawah. Baki 22416 orang pelajar (33.32%) sahaja yang mendapat markah 6 ke atas. Analisis ini dapat dilihat dalam Jadual 1.

Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum penting bagi memastikan tujuan aktiviti dan matlamat kokurikulum dapat dicapai. Namun begitu, data markah kokurikulum sepuluh peratus (10%) negeri Selangor 2010 secara keseluruhannya menunjukkan penglibatan pelajar adalah sederhana. Walaupun banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan pelaksanaan kokurikulum di sekolah, belum ada kajian yang dilakukan secara khusus untuk mengkaji hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar

JADUAL 1. Analisis markah 10% pelajar tingkatan lima 2010 negeri Selangor

| Markah (10%) | Bil. Pelajar (Orang) | Peratus (%) |
|--------------|----------------------|-------------|
| 0 | 620 | 0.92 |
| 1 | 2920 | 4.34 |
| 2 | 6902 | 10.26 |
| 3 | 8706 | 12.94 |
| 4 | 12791 | 19.01 |
| 5 | 12928 | 19.21 |
| 6 | 12592 | 18.71 |
| 7 | 7324 | 10.89 |
| 8 | 2407 | 3.58 |
| 9 | 92 | 0.14 |
| 10 | 1 | 0.00 |
| | 67283 | 100.00 |

dalam aktiviti kokurikulum. Sehubungan itu, kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti persekitaran sekolah terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan faktor persekitaran ke atas penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Kajian-kajian lepas banyak mengkaji mengenai persekitaran sekolah dengan pembelajaran dan pencapaian akademik.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Selain itu ia juga mengenal pasti persekitaran sekolah dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum, serta mengenal pasti tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KOKURIKULUM

Penglibatan membawa erti perbuatan atau hal melibatkan diri dalam sesuatu perkara. Menurut Kuh (1992), penglibatan adalah proses sosialisasi pemahaman dan pembelajaran tentang cabaran-cabaran, tuntutan, keperluan, faedah dan ganjaran di persekitaran pelajar. Leithwood dan Jantzi (1999) mentakrifkan penglibatan kepada dua dimensi iaitu afektif dan tingkah laku. Melalui penglibatan dalam kokurikulum, pelajar mempunyai peluang membina dan membangunkan potensi diri yang menjurus bidang pekerjaan pada masa hadapan serta meningkatkan hubungan dan kemesraan. Pelajar-pelajar juga berpeluang mempelajari budaya dan adat resam tentang sesuatu keadaan. Melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, pelajar dapat menjadi peserta yang aktif dan bukan sekadar menjadi seorang pemerhati yang pasif.

Russell et al. (2005) menyatakan penglibatan ialah satu tenaga dalam tindakan, iaitu sesuatu yang menghubungkan seseorang dengan aktiviti. Penglibatan yang dinyatakan ini adalah terdiri daripada tiga bentuk, iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif. Fredericks, et al. (2004) pula menjelaskan mengenai penglibatan pelajar dari sudut emosi, tingkah laku dan kognitif. Penglibatan pelajar dari segi emosi iaitu sama ada pelajar menunjukkan

reaksi positif atau negatif terhadap guru, rakan kelas, akademik dan sekolah. Chapman (2003) pula menjelaskan bahawa penglibatan pelajar ialah kesediaan pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin di sekolah, sama ada penglibatan secara kognitif, tingkah laku dan petunjuk berkesan penglibatan pelajar dalam tugas pembelajaran tertentu. Yazzie-Mintz (2007) juga menjelaskan bahawa penglibatan pelajar dilihat dari tiga aspek, iaitu kognitif, intelektual atau akademik.

Berdasarkan teori penglibatan Astin (1984), penglibatan pelajar boleh diukur secara kuantitatif berdasarkan berapa jam pelajar menyertai dan menghadiri sebarang perjumpaan. Penglibatan pelajar juga boleh diukur secara kualitatif dengan mengambil kira masa yang pelajar itu luangkan untuk berfikir mengenai pengalaman perjumpaan dalam sebarang aktiviti dalam kehidupannya. Seterusnya Astin (1984) telah memberi maksud penglibatan sebagai kadar tenaga fizikal dan psikologi yang digunakan oleh pelajar berhubung dengan pengalaman akademik.

Hasil kajian Mohanaraju (2012) terhadap minat murid terhadap aktiviti kokurikulum badan beruniform yang disertai menunjukkan bahawa kumpulan yang berminat berada pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian, pengaruh sokongan keluarga dalam penglibatan kokurikulum sekolah terhadap kemahiran insaniah murid amat ketara dalam kumpulan tidak berminat berbanding dengan kumpulan berminat.

PERSEKITARAN SEKOLAH DALAM PERLAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM

Persekitaran sekolah boleh ditakrifkan sebagai set ciri dalaman yang membezakan satu sekolah dengan sekolah lain, dan mempengaruhi tingkah laku ahli-ahlinya, iaitu kakitangan dan pelajar (Hoy & Miskel 1987). Fraser (1986) menyatakan bahawa faktor persekitaran sekolah adalah lebih luas dan tidak terhad kepada bilik darjah. Iklim bilik darjah terbatas kepada hubungan antara pelajar dan pelajar dan antara pelajar dan guru dalam sempadan bilik. Jarzabkowski (2002) menyatakan bahawa persekitaran sekolah bermakna semua keadaan, sumber dan aktiviti saling bersepadu secara langsung atau tidak langsung yang memberi kesan kepada fungsi sekolah. Persekitaran sekolah

merujuk kepada persekitaran fizikal dan iklim psikososial boleh menetapkan peringkat persepsi positif guru dan pelajar terhadap sekolah.

Odogwu et al. (2011) Menyatakan bahawa persekitaran sekolah sebagai persekitaran sosial (hubungan guru-pelajar, hubungan dengan guru-guru lain dan pengetua sekolah), persekitaran afektif (kesejawatan, kesaksamaan gender, rasa keberkesanan guru dan kebebasan kakitangan) dan persekitaran akademik (pembangunan profesional guru, sumber dan peralatan serta tekanan kerja). Tableman (2004) telah mengenal pasti empat aspek persekitaran sekolah, iaitu:

1. persekitaran fizikal yang mesra dan kondusif untuk pembelajaran,
2. persekitaran sosial yang menggalakkan komunikasi dan interaksi,
3. persekitaran yang berkesan yang menggalakkan rasa kekitaan dan harga diri,
4. persekitaran akademik yang menggalakkan pembelajaran dan memenuhi diri.

Persekitaran sekolah yang menyokong adalah penting untuk meningkatkan tahap pengurusan oleh guru penasihat serta meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Beberapa aspek persekitaran sekolah mempengaruhi guru-guru penasihat merancang untuk membimbing dan mengajar dan niat mereka untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan ko-kurikulum. Aspek persekitaran sekolah seperti jenis sekolah, bilik darjah, dan masyarakat yang mempunyai kesan ke atas hubungan antara pengajaran dan pembangunan pelajar (Zeichner 1986). Pelbagai faktor dalam persekitaran sekolah, seperti gabungan guru dan kepentingan profesional, telah didapati mempengaruhi amalan pengajaran guru, yang seterusnya mempengaruhi sikap dan pencapaian pelajar (Webster & Fisher 2003). Persekitaran sekolah sering dikonsepsikan sebagai konteks psikososial di mana guru-guru bekerja dan mengajar (Fisher & Fraser 1991).

Kajian oleh Templeton dan Johnson (1998) bertujuan menilai persekitaran sekolah di sekolah bandar untuk menerangkan apa yang guru rasakan perlu dalam membangunkan persekitaran sekolah yang lebih selamat. Respon kepada soal selidik Tahap Persekitaran Sekolah (SLEQ) menunjukkan bahawa guru mahukan lebih sokongan pelajar,

lebih banyak sumber dan kerja-kerja yang kurang memberi tekanan.

Kajian-kajian lain yang telah dilakukan berkaitan dengan persekitaran sekolah ialah kajian yang dibuat oleh Huang et al. (2009). Kajian mereka berkaitan persepsi guru sains terhadap persekitaran sekolah dari sudut perbezaan jantina. Kajian oleh Aldridge, Laugksch dan Fraser (2006) terhadap peringkat persekitaran sekolah dan hasil pembelajaran berasaskan pendidikan di Afrika Selatan, manakala kajian Van Ryzin (2011) berkenaan kesan antara persepsi remaja terhadap persekitaran sekolah, penglibatan dalam pembelajaran, harapan dengan pencapaian akademik.

Kajian-kajian yang telah dilakukan di Malaysia membuktikan bahawa persekitaran sekolah signifikan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum. Kajian oleh Mohd Jaffus (2008) mendapati faktor struktur seperti kekurangan kemudahan, peralatan, masa, wang dan maklumat, merupakan faktor utama yang menjadi penghalang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum sukan. Kajian beliau juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal dengan jantina. Manakala terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang interpersonal dan intrapersonal dengan bangsa. Kajian oleh Saiful (2008) bagi mencari faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar sekolah dalam aktiviti ko-kurikulum mendapati bahawa faktor sikap dan akademik pada aras rendah. Manakala faktor ekonomi dan persekitaran berada pada aras sederhana. Kajian beliau juga menunjukkan di antara keempat-empat faktor tersebut tidak menunjukkan perbezaan dalam mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Kajian oleh Zulkaffli (1997) bagi mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor sekolah dengan penglibatan pelajar dalam kegiatan ko-kurikulum dari aspek saiz sekolah, kemudahan sedia ada, bilangan guru, dan pentadbiran sekolah mendapati bahawa saiz sekolah benar-benar memberi sumbangan kepada penglibatan pelajar. Saiz sekolah seperti bilangan pelajar dan bilangan kelas amat mempengaruhi penglibatan pelajar dalam menyertai aktiviti kokurikulum. Faktor-faktor lain hanya sebagai faktor sokongan terhadap penglibatan pelajar.

Kajian oleh Aminudin (2004) pula bertujuan melihat sejauhmana penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang ko-kurikulum memberi kesan kepada tahap pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Kajian beliau melihat dari beberapa aspek tertentu seperti peringkat penglibatan, sikap pelajar terhadap aktiviti yang dirancang, pengurusan masa, minat dan tanggungjawab pelajar terhadap kegiatan kokurikulum dan pencapaian akademik mereka. Hasil kajian beliau mendapati pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti ko-kurikulum juga mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh pelajar-pelajar tersebut tidak memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian akademik.

Kajian oleh Marjohan dan Mohd Sofian (2007) adalah berkaitan motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dan faedah yang terakru dalam menyertai aktiviti wajib kokurikulum. Kajian mereka juga melihat implikasi aktiviti selepas sekolah terhadap prestasi akademik pelajar. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mengambil bahagian dalam program selepas sekolah kerana kepentingan mereka dalam mendapatkan pengetahuan baru dan juga atas sebab-sebab memperbaiki diri, yang pelajar nyatakan muncul daripada kepentingan sendiri. Ia juga jelas daripada kajian ini walaupun aktiviti ko-kurikulum adalah wajib, penglibatan pelajar yang utama adalah kerana kepentingan intrinsik pelajar sendiri.

Kajian-kajian yang dilakukan di luar negara juga menunjukkan bahawa persekitaran sekolah mempengaruhi penglibatan pelajar. Kajian penglibatan pelajar oleh Crowder (2010) telah mendapati kajian terlebih dahulu memahami bagaimana guru-guru memanfaatkan kemudahan tertentu dan syarat-syarat kawasan sekolah dan ciri-ciri reka bentuk untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Penemuan ini memaklumkan keputusan pemimpin sekolah dan daerah mengenai perancangan kemudahan pendidikan, reka bentuk, dan penggunaan.

Darling et al. (2005) dalam kajian mereka mengenai kegiatan kokurikulum dan kesannya terhadap berbagai aspek pembangunan termasuk pencapaian akademik. Keputusan kajian mereka mendapati pelajar yang menyertai kegiatan kokurikulum berasaskan sekolah mempunyai nilai yang lebih tinggi, aspirasi dan sikap akademik

yang tinggi daripada pelajar yang tidak terlibat dalam sebarang aktiviti kokurikulum.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini menggunakan soal-selidik bagi melihat hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kaedah ini digunakan untuk mengumpul data dari sampel yang kecil untuk membuat generalisasi terhadap populasi yang lebih besar. Konstrak dimensi persekitaran sekolah mengandungi hubungan, pembangunan peribadi dan sistem penyelenggaraan-perubahan yang telah diubahsuai daripada *School-Level Environment Questionnaire* (SLEQ) yang dibangunkan oleh Rentoul & Fraser (1983). Manakala konstruk penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum telah diterjemah dan diubahsuai daripada *National Survey of Student Engagement 2011. The College Student Report*. Setiap item soalan untuk mengukur persekitaran sekolah dan penglibatan pelajar dalam kajian ini menggunakan ukuran skala Likert lima poin. Jumlah populasi ketua guru penasihat di 31 buah sekolah menengah adalah seramai 1096 orang (PPD Klang 2012). Seramai 350 orang guru telah dipilih secara rawak mengikut kadaran jumlah guru di setiap sekolah sebagai sampel kajian. Daripada jumlah tersebut hanya 291 responden telah menjawab soal selidik kajian. Kajian rintis telah dijalankan untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen atau soal selidik menggunakan pekali alpha Cronbach. Nilai yang diperoleh untuk 50 item faktor persekitaran sekolah ialah 0.79. Bagi 36 item soal selidik penglibatan pelajar pula menunjukkan nilai alpha Cronbach 0.89. Kedua-dua nilai bacaan alpha Cronbach menunjukkan kebolehpercayaan soal selidik sesuai dan boleh digunakan sebagai alat kajian. Mengikut *Guilford's Rule of Thumb* (Guilford 1973), nilai alpha >0.9 adalah dalam tahap yang cemerlang dan nilai alfa >0.8 adalah dalam tahap yang baik. Nilai alfa >0.6 adalah dalam tahap yang dipersoalkan, tetapi masih boleh diterima (Ary et al. 2002). Secara keseluruhannya, instrumen dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan dalam tahap yang boleh diterima.

Statistik deskriptif digunakan bagi memerihalkan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tak bersandar termasuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Statistik inferensi bagi memerihalkan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar menggunakan analisis Korelasi Pearson. Analisis statistik yang digunakan ialah min dan sisihan piawai. Min digunakan bagi menentukan kecenderungan memusat (central tendency) data yang dikumpul. Sisihan piawai digunakan untuk menentukan sukatan serakan (variability) data yang dikumpulkan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pertama menentukan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kedua menentukan tahap persekitaran sekolah dan ketiga menentukan hubungan atau korelasi antara persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

Analisis data bagi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah berdasarkan dapatan dari responden guru ditunjukkan dalam Jadual 2. Keputusan menunjukkan persepsi responden terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah sederhana ($M=3.19$, $SP=.58$). Analisis data menunjukkan persepsi responden terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kelab dan persatuan adalah sederhana ($M=3.12$, $sp=.6$). Persepsi responden terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti badan beruniform adalah sederhana ($M=3.25$, $sp=.61$). Persepsi responden terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan permainan juga adalah sederhana ($M=3.21$, $sp=.63$).

JADUAL 2. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum

| Pemboleh ubah | Min | sp |
|---------------------|------|-----|
| Penglibatan pelajar | 3.19 | .58 |
| Kelab/Persatuan | 3.12 | .6 |
| Badan Beruniform | 3.25 | .61 |
| Sukan Permainan | 3.21 | .63 |

PERSEKITARAN SEKOLAH DALAM PERLAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM

Analisis data bagi persekitaran sekolah berdasarkan dapatan responden guru ditunjukkan dalam dalam Jadual 3. Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhan persepsi responden terhadap persekitaran sekolah adalah sederhana ($M=3.17$, $sp=.203$). Persepsi responden terhadap persekitaran sekolah dalam dimensi hubungan adalah sederhana ($M=3.45$, $sp=.36$). Persepsi responden terhadap persekitaran sekolah dalam dimensi pembangunan peribadi juga sederhana ($M=3.44$, $sp=.39$). Persepsi responden terhadap persekitaran sekolah pada dimensi sistem penyelenggaraan dan perubahan juga sederhana ($M=2.98$, $SP=.12$).

JADUAL 3. Persekitaran sekolah pelaksanaan aktiviti kokurikulum

| Pemboleh ubah | Min | sp |
|--------------------------------------|------|-----|
| Persekitaran Sekolah | 3.17 | .2 |
| Hubungan | 3.45 | .36 |
| Pembangunan Peribadi | 3.44 | .39 |
| Sistem Penyelenggaraan dan Perubahan | 2.98 | .18 |

HUBUNGAN PERSEKITARAN SEKOLAH DENGAN PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

Hubungan antara persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum diuji dengan korelasi Momen Pearson. Keputusan analisis korelasi Momen Pearson ditunjukkan dalam Jadual 4. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dan lemah yang signifikan ($r=0.294$, $p=0.00$), antara persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Analisis juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang lemah dan signifikan pada dimensi hubungan ($r=0.292$, $p=0.00$), dimensi pembangunan peribadi ($r=0.214$, $p=0.00$), dan dimensi sistem penyelenggaraan dan perubahan ($r=0.195$, $p=0.00$) dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini bermaksud pemboleh ubah bersandar mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan semua dimensi pada pemboleh ubah tidak bersandar. Hubungan ini menunjukkan bahawa apabila persekitaran sekolah semakin baik atau kondusif, maka penglibatan pelajar juga meningkat.

JADUAL 4. Hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum

| Pemboleh ubah | Korelasi (<i>r</i>) | Signifikan (<i>p</i>) |
|--------------------------------------|-----------------------|-------------------------|
| Persekitaran Sekolah | 0.294 | 0.00 |
| Hubungan | 0.292 | 0.00 |
| Pembangunan Peribadi | 0.214 | 0.00 |
| Sistem Penyelenggaraan dan Perubahan | 0.195 | 0.00 |

Korelasi signifikan pada tahap 0.05 (dua hala) "2-tailed"

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi guru-guru terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kurang berminat melibatkan diri atau kurang memberikan komitmen terhadap aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh sekolah. Hasil kajian ini mengukuhkan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohanaraju (2012) yang mendapati bahawa kumpulan pelajar yang berminat menyertai aktiviti kokurikulum badan beruniform berada pada tahap sederhana. Jika keadaan ini dilihat daripada aspek motivasi sendiri pelajar, kajian oleh Marjohan dan Mohd Sofian (2007) telah menunjukkan bahawa pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum selepas waktu persekolahan adalah didorong oleh kepentingan instrinsik pelajar itu sendiri, iaitu untuk mendapatkan pengetahuan yang baru dan bagi memperbaiki diri. Penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum bukanlah sekadar atas kesedaran bahawa ia adalah sesuatu yang wajib dilakukan.

Keadaan ini menunjukkan bahawa saranan oleh KPM yang mewajibkan penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Pengurusan Kokurikulum KPM (2009) melalui Perkara 5.1 SPI Bil 1/1985 belum diberikan perhatian secara serius oleh pelajar sedangkan kepentingan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum tidak dapat dinafikan. Menurut Rahman (2008), antara kesan penglibatan murid dalam kokurikulum ialah pelajar boleh memiliki kemahiran berkomunikasi yang berkesan di samping mampu menyumbang idea dan buah fikiran semasa menjalankan aktiviti kokurikulum. Pelajar juga boleh mengasah dan

mengembangkan bakat serta potensi diri sendiri. Ab. Halim (2004) turut menyatakan bahawa murid dapat membina semangat kekitaan, berani dan yakin diri serta tegas melalui aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Pernyataan ini telah dibuktikan berasas melalui kajian oleh Darling et. al (2005) yang mendapati bahawa pelajar yang menyertai kegiatan kokurikulum mempunyai nilai yang lebih tinggi, aspirasi dan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak terlibat dalam sebarang aktiviti kokurikulum. Kajian oleh Blomfield dan Barber (2010) turut menyatakan bahawa penyertaan pelajar dalam kokurikulum memberikan kesan positif terhadap prestasi akademik yang lebih tinggi dan mempunyai aspirasi universiti.

Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi guru-guru terhadap persekitaran sekolah secara keseluruhannya adalah sederhana. Mohd Jafus (2008) menyatakan bahawa faktor struktur adalah faktor utama yang menghalang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum diikuti dengan faktor intrapersonal dan interpersonal pelajar. Faktor struktur kajian beliau merujuk kepada prasarana dan peralatan di sekolah, masa pelaksanaan dan peruntukan kewangan. Faktor intrapersonal lebih merujuk kepada faktor dalaman pelajar seperti interaksi atau hubungan sesama pelajar, atau pelajar dengan guru. Faktor interpersonal pula merujuk kepada faktor yang wujud dari luar yang mempengaruhi diri pelajar seperti tekanan, budaya, kemampuan dan kemahiran. Oleh itu ketiga-tiga dimensi pada persekitaran sekolah memainkan peranan mempengaruhi penglibatan pelajar aktiviti kokurikulum di sekolah.

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif dan lemah yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kajian ini menjelaskan bahawa responden beranggapan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sedikit sebanyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran sekolah. Walau bagaimanapun, kemungkinan wujud faktor lebih dominan, yang boleh dikaitkan dengan tahap penglibatan pelajar yang sederhana. Walaupun demikian, faktor persekitaran yang baik dan membina serta menarik minat pelajar untuk menyertai kegiatan yang dianjurkan oleh sekolah perlu diberikan perhatian.

Dalam konteks kajian ini, persekitaran yang baik dari aspek hubungan antara pentadbir dengan guru, guru dengan guru, atau guru dengan pelajar perlu ditambah baik di samping membangunkan tahap profesional guru-guru dalam bidang kokurikulum. Pihak sekolah juga perlu meningkatkan sistem penyelenggaraan dan perubahan melalui kebebasan kakitangan atau staf, memperbanyakkan penyertaan guru dalam membuat keputusan, guru-guru lebih berinovasi, sumber-sumber atau kemudahan yang mencukupi untuk aktiviti dan seterusnya mengurangkan tekanan terhadap guru-guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Ini kerana persekitaran sekolah yang baik telah didapati mempengaruhi amalan pengajaran guru yang seterusnya mempengaruhi sikap dan pencapaian murid di sekolah (Webster & Fisher 2003).

KESIMPULAN

Memahami bagaimana persekitaran sekolah mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum merupakan faktor penting dalam membantu pihak pentadbir dan guru di sekolah, pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah, Pejabat Pelajaran Negeri, seterusnya pihak tertentu di Kementerian Pelajaran Malaysia. Persekitaran sekolah perlu diberi perhatian dari beberapa aspek seperti sokongan pelajar dan sokongan guru-guru, kepentingan profesional guru, kebebasan guru-guru dan penyertaan guru-guru dalam membuat keputusan bersama, guru dan pihak sekolah yang berinovasi, sumber atau kemudahan yang mencukupi, dan kurangnya tekanan kerja berkiatan kokurikulum. Kesimpulannya, persekitaran sekolah mampu memberi kesan kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Semua pihak perlu berusaha memperbaiki dan mempertingkatkan persekitaran sekolah supaya dapat mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum.

RUJUKAN

- Ab. Alim Abdul Rahim. 2004. *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Oxford Fajar.
- Aldridge, J.M., Laugksch, R.C. & Fraser, B.J. 2006. School-level environment and outcomes-based education in South Africa. *Journal Learning Environment Reserchs*, 9: 23-147.
- Aminudin Abdul Rahman. 2004. Penglibatan Pelajar Secara Aktif dalam Aktiviti Ko-kurikulum dan Kesannya ke Atas Pencapaian Akademik. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ary, D., Jacobs, L.C. & Razavieh, A. 2002. *Introduction to Research in Education*. Boston: Wadsworth/Thomson Learning.
- Astin, A. 1984. *Student Involvement: A Development Theory for Higher Educations Graduate School of Educations*. Los Angeles: University of California.
- Blomfield, C. & Barber B. 2010. Australian adolescents' extracurricular activity participation and positive development: Is the relationship mediated by peer attributes?. *Australian Journal of Educational & Developmental Psychology* 10: 114-128.
- Chapman, E. 2003. Alternative approaches to assessing student engagement rates *Practical Assessment, Research and Evaluation* 8 (13). Retrieved April 19, 2006, from <http://PAREonline.net/getvn.asp?v=8&n=13> [28 Ogos 2012]
- Crowder P.L. 2010. The Influence of the Outdoor Learning Environment on Student Engagement. Dissertation doctor of educational leadership.
- Darling, N., Caldwell, L.L. & Smith, R. 2005. Participation in school based extracurricular activities and adolescent adjustment. *Journal of Leisure Research* 37 (1): 51-76.
- Fisher, D.L. & Fraser, B.J. 1991b. Validity and use of the school-level environment. *Journal of Classroom Interaction*, 26 (2): 13-18
- Fraser, B. J. 1986. *Classroom environment*. Croom Helm, London.
- Fredericks, J.A., Blumenfeld, P.C. & Paris, A.H. 2004. School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research* 74: 59-109.
- Guildford, J.P. (1973). *Foundamental Statistics in Psychology and Education*. 5th Edition. New york: McGraw-Hill.
- Huang, Shwu-yong L. & Fraser B.J. 2009. science teachers' perceptions of the school environment: Gender differences. *Journal of Research in Science Teaching* 46(4): 404-420.
- Hoy, W.K. & Miskel, C.G. 1987. *Educational Administration: Theory, Research and Practice*. 3rd Edition. Random House, New York.
- Jarzabkowski L.M. 2002. The social dimensions of teacher collegiality *Journal of Educational Enquiry* 3(2): 1-20.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2009. *Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuh, G.D. 1992. What do we do now? Implication for educations of how colleges affects students. *American Educational Research Journal* 30(2): 277-304
- Leithwood, K. & Jantzi, D. (1999). The relative effects of principal and teacher sources of leadership on student engagement with school. *Educational Administration Quarterly*, 35 (5): 679-706.
- Marjohan Jamalis & Mohd Sofian Omar Fauze. 2007. Developing human value through extra curricular activities. *The Journal of Human Resource and Adult Learning* 3(1):
- Mohanaraju Annamalai. 2012, Pengaruh Sokongan Keluarga dalam Penglibatan Ko-kurikulum Sekolah terhadap Pencapaian Kemahiran Insaniah Murid. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA.

- Mohd Jafus Bahari. 2008. Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan daerah Seremban. <http://www.ipislam.edu.my/uploaded/file/jafus.pdf> [18 Januari 2011].
- Nor Azah Azman. 2007. Peranan Pengetua Sebagai Pengurus Ko-kurikulum di Sekolah Menengah Daerah Mersing. Disretasi Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Odogwu, H., Adeyemo, S.A., Jimoh, J.A., Yewonde, R.O. 2011. Science, mathematics and technology teachers' perception of school environment: Gender differences. *Multicultural Education & Technology Journal* 5(4): 274-287.
- Omardin Ashaari. 2007. *Pengurusan Sekolah: Satu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Rahman Abdul Wahab. 2008, *Panduan Pengurusan Ko-kurikulum Sekolah*. Edisi Semakan. Klang, Selangor: Er-Nur Sdn. Bhd.
- Rentoul, A.J. & Fraser, B.J. 1983. Development of a school-level environment questionnaire. *Journal of Educational Administration* 21: 21-37.
- Reaves, W.D., Hinson, A.R. & Marchant, A.M. 2010. Benefits and costs of faculty participation in extra- and co-curricular activities. *NACTA Journal*: 54-60.
- Russell, V.J., Ainley, M. & Frydenberg, E. 2005. *Schooling Issues Digest: Student Motivation and Engagement*. Retrieved November 9, 2005, http://www.dest.gov.au/sectors/school_education/publications_resources/schooling_issues_digest/schooling_issues_digest_motivation_engagement.htm [8 September 2011].
- Saiful Adli Mansor. 2008. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Sekolah dalam Aktiviti Ko-kurikulum. Kertas Projek Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat.
- Tableman, B. 2004. School climate and learning. *Best Practice Beliefs* 31: 1-10.
- Templeton, R.A & Johnson, C.E. 1998. Making the School environment safe: Red rose's formula. *Learning Environments Research*, 1: 35-57.
- The National Survey of Student Engagement. 2011. http://nsse.iub.edu/pdf/NSSE2011_US_English_paper.pdf
- Unit Kokurikulum Jabatan Pelajaran Selangor. 2011. *Analisis Markah 10% Pelajar Tingkatan Lima 2010 Negeri Selangor*. Shah Alam Selangor.
- Van Ryzin, M.J. 2011. Protective factors at school: Reciprocal effects among adolescents' perceptions of the school environment, engagement in learning and hope. *Journal Youth Adolescence* 40: 1568-1580.
- Webster, B.J. & Fisher, D.L. 2003. School level environment and student outcomes in mathematics. *Learning Environment Research* 6: 309-326.
- Yazzie-Mintz, E. (2007). *Voices of students on engagement: A report on the 2006 High School Survey of Student Engagement*. Bloomington: Center for Evaluation & Education Policy, Indiana University. Retrieved January 18, 2008, http://ceep.indiana.edu/hssse/pdf/HSSSE_2006_Report.pdf [20 Ogos 2012]
- Zeichner, K. 1986. The ecology of field experience: toward an understanding of the role of field experiences in teacher development. In. Tajuk buku, edited by Habermun, M & Backus, J.M. *Advances in Teacher Education* 3: 94-117.
- Zulkafli Mansor. 1997. Hubungan antara Faktor Sekolah dengan Penglibatan Ko-kurikulum di Kalangan Pelajar. Kertas Projek. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Fazli Hasan*
SMK Bandar Baru Sultan Suleiman
Lebuh Sultan Abdul Samad
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan
- Suhaida Abdul Kadir &
Soaib Asimiran
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor Darul Ehsan
- Pengarang untuk surat-menyurat;
email: fazlinor99@gmail.com
- Diserahkan pada : 3 Mei 2013
Diterima pada : 4 September 2013

